



**SIARAN MEDIA**  
*MEDIA RELEASE*

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)**  
**SUKU TAHUNAN**  
**SUKU KEDUA 2024**

*QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT*  
*SECOND QUARTER 2024*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam

*Department of Economic Planning and Statistics*  
*Ministry of Finance and Economy*  
*Brunei Darussalam*




**SIARAN MEDIA  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR  
SUKU KEDUA 2024**

**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TAJUK UTAMA: EKONOMI NEGARA BERKEMBANG 6.0 PERATUS SUKU  
TAHUN KEDUA 2024**

1. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara pada harga tetap, bagi suku tahun kedua (Q2) 2024, telah meningkat sebanyak 6.0 peratus tahun-ke-tahun. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan dalam Sektor Minyak dan Gas sebanyak 7.7 peratus dan Sektor Bukan Minyak dan Gas sebanyak 4.5 peratus.



2. Peningkatan bagi Sektor Minyak dan Gas adalah didorong oleh pengeluaran minyak mentah, gas asli, dan gas cecair asli (LNG). Pertumbuhan pengeluaran minyak mentah dan gas asli adalah selaras dengan padang minyak dan gas baru, manakala peningkatan dalam pengeluaran LNG disebabkan oleh bekalan gas yang lebih tinggi.
3. Sektor Bukan Minyak dan Gas terus menunjukkan perkembangan yang menggalakkan dengan peningkatan subsektor-subsektor seperti Pembuatan Produk Petroleum dan Kimia sebanyak 52.8 peratus, Pengangkutan Udara sebanyak 24.2 peratus, dan Perdagangan Borong dan Runcit sebanyak 2.1 peratus.
4. Peningkatan bagi subsektor Pembuatan Produk Petroleum dan Kimia adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan pengeluaran produk petrokimia, metanol dan baja urea. Pertumbuhan bagi subsektor Pengangkutan Udara adalah selaras dengan peningkatan jumlah penumpang udara dan kekerapan penerbangan. Ini diikuti oleh subsektor Perdagangan Borong dan Runcit yang meningkat selaras dengan aktiviti perdagangan borong, dengan peningkatan jualan kenderaan bermotor sebagai salah satu faktor penyumbang.
5. Sumbangan utama KDNK mengikut aktiviti ekonomi adalah Sektor Industri yang menyumbang sebanyak 64.7 peratus, diikuti oleh Sektor Perkhidmatan sebanyak 34.1 peratus dan Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan sebanyak 1.2 peratus.
6. Jumlah KDNK Negara Brunei Darussalam pada harga semasa pada Q2 2024 adalah sebanyak BND5.2 bilion berbanding BND4.8 bilion pada Q2 2023. Sektor Minyak dan Gas telah menyumbang sebanyak 50.3 peratus termasuk aktiviti perlombongan minyak dan gas dan pembuatan LNG dan Sektor Bukan Minyak dan Gas sebanyak 49.7 peratus termasuk aktiviti hiliran seperti pembuatan produk petroleum dan kimia.
7. Mengikut pendekatan perbelanjaan, peningkatan pertumbuhan KDNK pada Q2 2024 adalah didorong oleh peningkatan Eksport Barangan dan Perkhidmatan sebanyak 37.7 peratus, Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah sebanyak 6.0 peratus, diikuti oleh Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan sebanyak 4.9 peratus. Walau bagaimanapun, Pembentukan Modal Kasar mencatatkan penurunan sebanyak 12.0 peratus.

8. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Q2 2024 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui [deps.mofe.gov.bn](http://deps.mofe.gov.bn)

# KELUARAN DALAM NEGERI KASAR SUKU KEDUA 2024



جباٲن فرانچغن ايكونومي دان ستاٲسٲك  
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS  
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY  
BRUNEI DARUSSALAM



PERTUMBUHAN  
KDNK

6.0%

Jumlah dalam BND juta  
pada harga tetap 4,665.5


Jumlah dalam BND juta  
pada harga semasa 5,191.0

KADAR PERTUMBUHAN (%)  
PADA HARGA TETAP

Minyak & gas



AGIHAN (%)  
PADA HARGA SEMASA



Minyak & gas Bukan minyak & gas

PENYUMBANG KEPADA  
PERTUMBUHAN SEKTOR  
BUKAN MINYAK & GAS



Pembuatan produk  
petroleum dan kimia  
52.8%



Pengangkutan udara  
24.2%



Perdagangan  
borong dan runcit  
2.1%

## MENGIKUT JENIS AKTIVITI EKONOMI

Industri



Pertanian,  
Perhutanan &  
Perikanan

AGIHAN (%) PADA HARGA SEMASA

64.7%



Industri

34.1%



Perkhidmatan

1.2%



Pertanian, Perhutanan  
& Perikanan

[deps.mofe.gov.bn](http://deps.mofe.gov.bn)

[info.statistics@jpes.gov.bn](mailto:info.statistics@jpes.gov.bn)

@statistics.jpes




**MEDIA RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT**  
**SECOND QUARTER 2024**

**BRUNEI DARUSSALAM**

**MAIN HEADLINE: BRUNEI DARUSSALAM'S ECONOMY GREW 6.0 PER CENT IN SECOND QUARTER 2024**

- Brunei Darussalam's Gross Domestic Product (GDP), at constant prices, grew at 6.0 per cent in the second quarter (Q2) of 2024. This growth was driven by a 7.7 per cent increase in the Oil and Gas Sector and a 4.5 per cent increase in the Non-Oil and Gas Sector.*



2. *The expansion in the Oil and Gas Sector was driven by increased production of crude oil, natural gas, and liquefied natural gas (LNG). The growth in crude oil and natural gas production is linked to the development of a new oil and gas field, while the uptick in LNG production is attributed to a higher gas supply.*
3. *The Non-Oil and Gas Sector maintained its positive performance with improvements in subsectors such as Manufacture of Petroleum and Chemical Products by 52.8 per cent, Air Transport by 24.2 per cent and Wholesale and Retail Trade by 2.1 per cent.*
4. *The main drivers of the expansion in the Manufacture of Petroleum and Chemical Products subsector were increased production of methanol, urea fertilizer, and petrochemicals. Growth in the Air Transport subsector was due to an increase in the number of air passengers and flight frequency. Additionally, the Wholesale and Retail Trade subsector also expanded, with higher motor vehicle sales as one of the contributing factors.*
5. *As for GDP contribution by economic activity, the Industry Sector contributed 64.7 per cent, followed by the Services Sector at 34.1 per cent and the Agriculture, Forestry and Fishery Sector at 1.2 per cent.*
6. *Brunei Darussalam's GDP at current prices in Q2 2024 was valued at BND5.2 billion compared to BND4.8 billion in Q2 2023. The Oil and Gas Sector accounted for 50.3 per cent, comprising oil and gas mining and manufacture of LNG. The Non-Oil and Gas Sector made up 49.7 per cent of the total, which includes downstream activities such as the manufacture of petroleum and chemical products.*
7. *By expenditure approach, the increase in GDP growth in Q2 2024 was driven by a rise in the Exports of Goods and Services by 37.7 per cent, Household Final Consumption Expenditure by 6.0 per cent, followed by Government Final Consumption Expenditure by 4.9 per cent. However, Gross Capital Formation recorded a decrease of 12.0 per cent.*
8. *Gross Domestic Product (GDP) is a measure of the total value of goods and services produced in a particular period after deducting the cost of goods and services used up in the process of production. The full report for the GDP Q2 2024 is available from DEPS's website at [deps.mofe.gov.bn](https://deps.mofe.gov.bn)*

# GROSS DOMESTIC PRODUCT

## SECOND QUARTER 2024



جباڤن فرانچغن ايكونومي دان ستاتيسٽيڪ  
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS  
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY  
BRUNEI DARUSSALAM



GDP GROWTH

6.0%


Value in BND Million at constant prices

4,665.5


Value in BND Million at current prices

5,191.0

GROWTH RATE (%) AT CONSTANT PRICES



SHARE (%) AT CURRENT PRICES



Oil & gas Non-oil & gas

CONTRIBUTORS TO GROWTH OF NON-OIL & GAS SECTOR



Manufacture of other petroleum and chemical products

52.8%



Air transport

24.2%



Wholesale and retail trade

2.1%

Industry



Agriculture, Forestry & Fishery

BY KIND OF ECONOMIC ACTIVITY

SHARE (%) AT CURRENT PRICES

64.7%



Industry

34.1%



Services

1.2%



Agriculture, Forestry & Fishery

[deps.mofe.gov.bn](http://deps.mofe.gov.bn)

[info.statistics@jpes.gov.bn](mailto:info.statistics@jpes.gov.bn)

@statistics.jpes